

Dr. M bidas PAS kerana tuduh Barisan lakukan 'rasuah politik'

KOTA BHARU 10 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas PAS kerana menuduh Barisan Nasional melakukan 'rasuah politik' menerusi janji-janjinya untuk membawa pembangunan ke Negeri Kelantan.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan janji-janji itu bukan satu rasuah politik kerana Barisan Nasional mampu dan boleh menunaikannya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menghadiri majlis taklimat mengenai perjalanan kempen pilihanraya Barisan Nasional di Bangunan UMNO di sini malam tadi.

Turut sama dalam taklimat selama lebih dua jam itu ialah Pe-



**DATUK SRI
DR. MAHATHIR**

ngerusi BN Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah dan para pemimpin Barisan negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Barisan Nasional tidak ada melakukan "apa-apa cuma berjanji untuk berkhidmat untuk masyarakat".

Menjawab satu soalan, beliau menegaskan tindakan polis mengharamkan rapat-rapat umum dalam pilihanraya itu telah menjejaskan kempen Barisan Nasional sama juga PAS dan lain-lain parti dan calon.

Beliau bagaimanapun menjelaskan tujuan utama langkah itu bukanlah untuk menyekat kegiatan mana-mana pihak tetapi semata-mata untuk mencegah kemungkinan berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini demi keselamatan rakyat Kelantan sendiri.

Kerjasama

Sementara itu semasa berucap merasmikan bangunan tambahan klinik di Keterah, 14 batu dari sini Datuk Sri Dr. Mahathir berkata taraf perkhidmatan kesihatan di Kelantan akan dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan Pusat.

"Terpulanglah kepada rakyat Negeri Kelantan bagi menentukan wujudnya kerjasama itu," katanya.

Datuk Sri Dr Mahathir berkata kerajaan telah menyediakan segala kemudahan kesihatan bagi rakyat yang memerlukan sama ada yang tinggal di luar dan dalam bandar.

"Apa ertinya khidmat jika tidak berjanji dan berikrar, sedangkan kita boleh menunaikannya.

"Ini sudah pun kita buktikan kerana bila kita berjanji hendak dirikan sekolah, kita dirikan dan begitu juga lain-lain kemudahan seperti jalanraya," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia berkata jika janji-janji itu dianggap rasuah politik "tidakkah PAS semasa berada dalam Barisan Nasional dulu tidak turut terlibat?"

Mengenai kempen Barisan Nasional, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan dan persiapan-persiapan yang telah diatur bagi menghadapi hari membuang undi esok.